



**TEKS UCAPAN PERASMIAN
YBRS. DR. ROSLI BIN DARMAWAN
KETUA PENGARAH
AGENSI NUKLEAR MALAYSIA**

**SEMPENA
BENGKEL PERMURNIAAN CADANGAN PROJEK AIF/TED1/TED2
DI BAWAH DANA R&D MOSTI GRAND CHALLENGE (MGC)**

**TARIKH:
31 JULAI 2024 (RABU)**

**MASA :
2.30 PETANG**

**TEMPAT :
HOTEL LEXIS PORT DICKSON**

Bismillahirrahmanirahim

Terima kasih kepada saudara pengacara majlis.

YANG BERUSAHA DR. SITI NAJILA BT. MOHD JANIB

Pengurus Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC)

Agensi Nuklear Malaysia selaku penganjur Program Bengkel
Permurniaan Cadangan Projek Ted1/Ted2/AIF

YANG BERUSAHA PUAN NADIAH FATIN BT. MOHD IKHSAN

Ketua Penolong Setiausaha, Bahagian Dana, MOSTI selaku
penceramah Taklimat Pembiayaan Dana R&D MOSTI

YANG BERUSAHA PROF. MADYA DR. MOHD ASRI BIN MAT TERIDI

Panel Penilai Dana MOSTI dari Institut Penyelidikan Tenaga Solar, UKM

YANG BERUSAHA DR. CHEN SAU SOON

Panel Penilai Dana MOSTI

Dan para pegawai penyelidik Nuklear Malaysia yang juga peserta
bengkel ini yang saya kasihi sekalian.

Assalamualaikum WBT, Salam Sejahtera dan Salam Malaysia MADANI

[PENDAHULUAN]

1. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT atas limpah rahmat serta keizinan-Nya jua kita dapat berkumpul bersama-sama di sini untuk **Bengkel Permurniaan Cadangan Projek AIF/TED1/TED2 di bawah Dana R&D MOSTI Grand Challenge (MGC).**
2. Terlebih dahulu, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua yang hadir, terutamanya pihak MOSTI dan Panel Penilai Dana MOSTI yang sudi memberikan bimbingan dalam memurnikan cadangan projek TED1, TED2 dan AIF Agensi Nuklear Malaysia.
3. Bengkel ini merupakan kesinambungan daripada Bengkel Panduan Permohonan Dana R&D MGC MOSTI yang telah diadakan pada 11 Jun yang lepas. Ia mencerminkan komitmen berterusan Nuklear Malaysia untuk meningkatkan kualiti cadangan projek dan seterusnya meningkatkan kadar kejayaan permohonan dana.

[OBJEKTIF BENGKEL]

4. Objektif utama bengkel ini adalah:
 - a) Untuk membantu pegawai penyelidik dalam memurnikan dan memantapkan cadangan projek R&D yang telah disediakan, selaras dengan garis panduan MGC MOSTI.

- b) Untuk meningkatkan kualiti cadangan projek agar memenuhi kriteria penilaian panel penilai MOSTI.
- c) Membimbing peserta meningkatkan kualiti dan kesesuaian cadangan projek mengikut garis panduan MOSTI.

[PENCAPAIAN SEMASA DAN SASARAN]

Hadirin yang saya hormati sekalian,

- 5. Sejak dana MGC diperkenalkan pada tahun 2022, pencapaian Nuklear Malaysia adalah seperti berikut:
 - TED1: Dua permohonan berjaya diluluskan dengan jumlah peruntukan RM734,699.00
 - TED2: Satu permohonan berjaya mendapat kelulusan bernilai RM1,068,704.00
 - SRF: Tiga projek yang diketuai oleh pegawai Nuklear Malaysia telah diluluskan dengan jumlah peruntukan mencecah RM7.96 juta.
- 6. Walaupun kita telah melihat beberapa kejayaan dalam permohonan dana sebelum ini, masih ada ruang untuk kita meningkatkan bilangan dan kualiti cadangan projek. Sasaran KPI tahunan R&D Agensi kita merangkumi pelbagai sumber pembiayaan, termasuk dana MGC, projek R&D dalaman, serta projek kerjasama dengan pihak luar. Justeru itu, setiap usaha untuk mendapatkan dana seperti MGC adalah penting dalam usaha mencapai sasaran Nuklear Malaysia. Peningkatan prestasi dalam perolehan dana bukan sahaja akan menyumbang kepada pencapaian KPI, tetapi

juga akan membantu mengukuhkan keupayaan R&D Nuklear Malaysia dalam bidang sains dan teknologi nuklear.

[CABARAN DAN PELUANG]

7. Tidak dinafikan bahawa persaingan untuk mendapatkan dana penyelidikan semakin sengit. Namun, ini tidak seharusnya melemahkan semangat kita. Kepada mereka yang belum berjaya dalam permohonan sebelum ini, saya menyeru agar terus berusaha dan mencuba. Manfaatkanlah bengkel ini untuk mempertingkatkan kualiti cadangan anda.

8. Walaupun cabaran wujud, terdapat juga pelbagai peluang yang boleh kita manfaatkan untuk meningkatkan kejayaan permohonan dana kita:
 - Pelancaran Dasar Teknologi Nuklear Negara 2030 (DTNN2030) menunjukkan tumpuan kerajaan terhadap teknologi nuklear untuk pembangunan lestari. Ini membuka ruang untuk kita mencadangkan projek-projek yang selaras dengan hala tuju strategik negara dalam bidang nuklear.

 - Peningkatan peruntukan dana R&D mencerminkan komitmen kerajaan terhadap penyelidikan dan inovasi. Kita perlu memanfaatkan peluang ini dengan mengemukakan cadangan projek yang relevan dan berdaya saing.

 - Isu-isu global seperti perubahan iklim dan kesihatan awam memerlukan penyelesaian inovatif. Ini memberi peluang kepada penyelidik untuk mencadangkan projek-projek yang

bukan sahaja selari dengan keperluan semasa, tetapi juga berpotensi memberi impak yang signifikan kepada rakyat dan negara.

[HARAPAN DAN SARANAN]

9. Dalam usaha kita menerajui R&D&C&I dalam sains dan teknologi nuklear, saya ingin menggesa semua pegawai penyelidik untuk:
 - a) Memastikan setiap cadangan projek sejajar dengan visi Agensi Nuklear Malaysia, DTNN 2030 dan Wawasan Nuklear Malaysia 2030.
 - b) Memanfaatkan sepenuhnya kehadiran wakil MOSTI dan panel penilai untuk mendapatkan panduan dan maklum balas.

10. Saya berharap bengkel ini akan:
 - Mempertingkatkan kualiti dan daya saing cadangan projek R&D pegawai Nuklear Malaysia.
 - Meningkatkan kefahaman tentang kriteria dan proses permohonan dana MGC MOSTI.
 - Melahirkan beberapa permohonan projek yang bersedia untuk dimohon.

[PENUTUP]

11. Akhir kata, saya mendoakan agar semua peserta dikurniakan kesihatan yang baik, minda yang lapang dan hati yang terang untuk menimba ilmu dan mengasah kemahiran sepanjang bengkel ini.
12. Marilah kita bersama-sama memikul tanggungjawab untuk merealisasikan visi Agensi Nuklear Malaysia. Setiap cadangan projek yang kita hasilkan adalah satu langkah ke arah menerajui R&D&C&I dalam sains dan teknologi nuklear untuk pembangunan negara yang mampan.
13. Dengan lafaz Bismillahirrahmanirahim, saya dengan ini merasmikan **BENKEL PERMURNIAAN CADANGAN PROJEK AIF/TED1/TED2 DI BAWAH DANA R&D MOSTI GRAND CHALLENGE (MGC).**

Sekian, Wabillahitaufik Walhidayah.

Wasalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.